



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**14 APRIL 2022 (KHAMIS)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

**14 APRIL 2022 (KHAMIS)**

# Kenderaan asing dilarang isi RON95

2,200 penguat kuasa  
 KPDNHEP pantau  
 stesen minyak

Oleh NAZRIN ZULKAFLI

SHAH ALAM

**P**enguatkuasaan yang lebih ketat akan dikenakan terhadap kenderaan bernombor pendaftaran asing termasuk motosikal daripada mengisi petrol RON95 bersubsidi di seluruh negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, seramai 2,200 pegawai penguat kuasa KPDNHEP digerakkan bagi mengawal individu berkenderaan asing dan pengusaha stesen minyak yang cuba melanggar peraturan berkaitan RON95.

Menurut Alexander, bagi menambah keberkesanan operasi tersebut, pegawai-pegawai terlibat akan mengadaptasi pen-



ALEXANDER NANTA

Kenderaan asing hanya dibenarkan mengisi RON97.

dekatan Ops Samar dengan memakai pakaian preman iaitu tidak memakai pakaian seragam.

"Susulan pembukaan pintu sempadan negara pada 1 April 2022, negara menerima kedatangan kenderaan yang banyak dari pelbagai negara.

"Terdapat juga laporan yang diterima daripada orang ramai dan media tentang kenderaan asing mengisi minyak petrol RON95 khususnya di stesen mi-

nyak sempadan negara.

"Bagi membendung perkara ini daripada terus berlaku, Kementerian mempergiatkan penguatkuasaan untuk memastikan semua kenderaan berdaftar asing termasuk motosikal tidak dibenarkan mengisi minyak petrol RON95 di seluruh negara.

"Bagaimanapun, kenderaan tersebut dibenarkan mengisi minyak RON97," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Media sosial baru-baru ini tular dengan gambar-gambar yang diambil oleh rakyat Malaysia di Johor Bahru memperlihatkan kereta bernombor pendaftaran Singapura mengisi petrol RON95 susulan pembukaan semula sempadan.

Dalam pada Alexander mengingatkan mana-mana individu atau pengusaha stesen minyak yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan di bawah Akta

Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) dan jika disabitkan boleh didenda tidak lebih RM1 juta.

Tambahnya, bagi kesalahan berikutnya, denda tidak melebihi RM3 juta bagi perscorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Bagi syarikat pula, sekiranya sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2 juta manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM5 juta," ujarnya.

Alexander berkata, Kementerian juga akan mengambil tindakan tegas dengan mengantung sementara lesen pengusaha stesen minyak yang terlibat sehingga siasatan selesai dijalankan.

"KPDNHEP memberi amaran keras kepada semua orang dan pengusaha stesen minyak bahawa Kementerian tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati bersalah.

"Tindakan tegas akan diambil termasuk mendakwa mereka di mahkamah berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," kata beliau.



PPM rampas 5,167 liter minyak bernilai RM176,539

## Dua lelaki seleweng diesel subsidi ditahan

Oleh KHAIRUL MOHD ALI

**JOHOR BAHRU** – Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua menahan dua pemandu lori yang membawa muatan 5,167 liter diesel bernilai RM176,539 tanpa permit sah di dua buah stesen minyak berasingan di Skudai, di sini semalam.

Komander PPM Wilayah Dua, Asisten Komisioner Muhd. Zailani Abdullah berkata, kedua-dua lelaki tempatan berusia 28 dan 56 tahun itu masing-masing ditahan pada pukul 2.30 pagi dan 2.45 pagi.

Katanya, serbuan dibuat selepas pihaknya mendapat maklumat penyeleweng diesel di kawasan berkenaan.

"Sewaktu serbuan dijalankan, kedua-dua lelaki tersebut sedang mengisi diesel ke dalam tangki yang telah diubah suai di bahagian belakang lori.

"Pemeriksaan lanjut mendapati suspek gagal menunjukkan sebarang dokumen kebenaran yang sah untuk membawa barang kawalan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP)," katanya dalam kenyataan semalam.

Tambah beliau, kedua-dua suspek beserta barangan rampasan kemudiannya dibawa ke Markas (PPM) Wilayah Dua untuk tindakan lanjut.

"Jumlah keseluruhan ram-



**SALAH** sebuah lori yang digunakan suspek untuk menyelewengkan minyak diesel bersubsidi di Skudai, Johor Bahru semalam.

pasan dianggarkan bernilai RM176,539, manakala kes akan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Sehubungan itu, saya turut menyeru orang ramai yang

mempunyai maklumat berkaitan sebarang kegiatan jenayah agar menyalurkan kepada pihak berkuasa terutamanya PPM Wilayah Dua di talian **07-237 2221** atau **07-237 2222**," ujarnya.

Senarai Harga Barang Keperluan	
- Ayam	<b>RM8.30</b>
- Daging Lembu Tempatan	<b>RM42.99</b>
- Daging Lembu Import	<b>RM28</b>
- Telur Gred A	<b>RM12.60</b>
- Ikan Kambung	<b>RM13.00</b>
- Minyak Masak	<b>RM6.35</b>
- Gula Pasir	<b>RM2.85</b>
- Bawang Besar Holland	<b>RM2.59</b>
- Bawang Putih	<b>RM4.99</b>
- Cili Merah	<b>RM10</b>
- Kubis Bulat Tempatan	<b>RM3.49</b>
- Tepung Gandum	<b>RM2.25</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



## Tidak salah kenakan caj potong ayam - KPDNHEP

**MELAKA:** Caj potong ayam sebanyak 60 sen yang dikenakan peniaga kepada pelanggan tidak menyalahi peraturan selagi masih mengikut harga siling ditetapkan.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka, Norena Jaafar berkata, caj itu adalah perkhidmatan pilihan yang disediakan oleh peniaga kepada pelanggan.

Katanya, justeru pertambahan caj tersebut tidak menyalahi peraturan kerana pelanggan masih boleh membeli pada harga siling iaitu RM8.90 sekilogram.

"Ini adalah servis tambahan dan tidak salah peniaga mengenakan caj kerana kalau ikutkan mereka sepatutnya hanya perlu menjual ayam seekor tanpa perlu dipotong.

"Kalau pembeli tidak mahu perkhidmatan itu, ayam dijual mengikut harga siling, jadi tidak timbul isu atau kesalahan mengenai caj 60 sen ini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Norena berkata, situasi itu menjadi perkara baharu buat pengguna hanya kerana perkhidmatan itu tidak pernah dikenakan caj sebelum ini.

"Saya percaya, caj dikenakan adalah respons peniaga disebabkan harga siling baharu ayam yang turun sebanyak tiga kali mencecah 60 sen sejak Deepavali tahun lalu.

"Sebelum ini perkhidmatan potong diberikan secara percuma kerana harga ayam masih tinggi, jadi apabila kita turunkan kepada RM8.90 sekilogram, mereka cuba mencari kembali keuntungan dengan mengenakan caj servis ini," jelasnya.

## Pengeluaran khas KWSP RM10,000 alasan naik harga

**PETALING JAYA:** Kenaikan harga barang keperluan menjelang Aidilfitri dijangka sampai ke satu angka tidak munasabah kerana dibayangi pengeluaran khas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak RM10,000.

Yang Dipertua Persatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur (PKP KL), Samsudi Mohd Fauzi berkata, pengeluaran itu menyebabkan ada peniaga akan mengambil kesempatan mengaut untung berlebihan kerana mengetahui rakyat ketika itu mempunyai duit.

Menurutnya, Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) perlu bertindak lebih serius dengan mengenal pasti peniaga yang menaikkan harga sesuka hati sebagai 'sabotaj makanan'.

"Melalui pemantauan kami terutama pada Ramadan ini, peniaga di bazar datangnya bermusim iaitu apabila bulan puasa dan ada segelintir mereka tidak bertanggungjawab menaikkan harga sesuka hati dengan hasrat mahu jadi 'jutawan sebulan'.

"Ada kuih-muih yang dijual pada harga tidak munasabah, lepas habis Ramadan mereka pergi tetapi meninggalkan kesan

dengan harga mahal," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid mengakui harga barangan keperluan bakal naik disebabkan beberapa faktor, antaranya masalah Covid-19, pengangkutan, penukaran mata wang asing, perang Ukraine-Rusia dan banjir.

Perkara itu turut diakui Ketua Aktivist Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Ndzim Johan yang menegaskan, kementerian perlu mengambil tindakan kepada individu yang monopoli pasaran harga.